

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN CHONG CHIENG JEN

KAWASAN : BANDAR KUCHING

TARIKH : 20 MEI 2015 (RABU)

NO. SOALAN : 65

YB. TUAN CHONG CHIENG JEN [BANDAR KUCHING] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan apakah angka FDI (Foreign Direct investment) untuk negeri-negeri masing-masing dalam tahun 2013 dan 2014.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Jumlah pelaburan keseluruhan yang diluluskan bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM219.4 bilion dan tahun 2014 sebanyak RM235.9 bilion. Ini melibatkan peningkatan sebanyak 8% bagi tahun 2014 berbanding tahun 2013. Pelaburan yang diluluskan

merangkumi sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama yang merangkumi pertanian, perlombongan, perladangan dan komoditi.

Berdasarkan pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tempoh 2013 dan 2014, negeri Johor telah menerima pelaburan langsung asing (FDI) tertinggi sebanyak RM19.4 bilion diikuti dengan Sarawak yang mencatatkan pelaburan sebanyak RM15.2 bilion dan Pulau Pinang dengan pelaburan sebanyak RM6.9 bilion.

Butiran FDI yang diluluskan dalam sektor perkilangan bagi tahun 2013 dan 2014 mengikut negeri adalah seperti berikut:

Jumlah FDI Diluluskan dalam Sektor Perkilangan mengikut Negeri		
Negeri	Jumlah (RM bilion)	
	2013	2014
Johor	11.53	7.87
Sarawak	6.82	8.40
Pulau Pinang	1.79	5.11
Selangor	3.63	3.21
Pahang	1.48	4.92
Kedah	0.10	4.52
Negeri Sembilan	1.41	2.11
Melaka	1.03	1.83
Perak	1.49	0.39
Sabah	1.00	0.55

Terengganu	0.06	0.68
Kelantan	0.19	0
WP Kuala Lumpur	0.01	0.01
WP Labuan	0	0
Perlis	0	0
Jumlah	30.54	39.60

Sumber: MIDA